

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN  
[RANAU]**

**TARIKH : 25.10.2016 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 17**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan:

- a) bilakah cadangan pembinaan jajaran Jalan Tarawas-Kaingaran akan dimulakan; dan
- b) berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi projek ini.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memahami keperluan infrastruktur masyarakat luar bandar terutamanya jaringan jalan raya yang selesa.

Sekiranya terdapat keperluan bagi pembinaan jalan tersebut, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.